

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 1 TAHUN 2014

**PERWAKILAN KUASA BAGI KELULUSAN PERMOHONAN DI BAWAH
SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN
PINDAHMILIK TANAH KEPADA MELAYU PERANAKAN KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah jajahan negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 10/2013 yang bersidang pada 15 Mei 2013 di bawah Hal-Hal Lain, telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa kepada **Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan**, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi menurut peruntukan Seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 56 Tahun 1956] bagi melaksanakan kuasa-kuasa berikut:

- i) Kuasa meluluskan mana-mana permohonan untuk menukar jenis kegunaan tanah kepada "Bangunan" dibawah peruntukan Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965;
- ii) Kuasa meluluskan mana-mana permohonan pindahmilik tanah yang dikenakan sekatan kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 kepada Melayu Peranakan Kelantan.

2. Dengan perwakilan kuasa ini yang telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U. 1769/2013 bertarikh 10 Oktober 2013 sebagaimana Lampiran, maka Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 1/2009 dan Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U. 332/2009 adalah terhenti pemakaiannya.

Ditutup pada:

7/11/2014

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah jajahan negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



.....
(DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN B. TENGKU FEISSAL)

(TENGKU KAYA PERKASA)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3 (18)

BERTARIKH : 3 RABIUL AWAL 1435H

5 JANUARI 2014

No. 1769.

ORDINAN PERWAKILAN KUASA 1956
(Akta 56 tahun 1965)DELEGATION OF POWERS ORDINANCE
(Act 56 of 1965)

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8

DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 8

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 56 tahun 1965], Raja dengan ini mewakilkan kepada pegawai yang diperihalkan dalam ruangan (1) Jadual di bawah ini menjalankan atau melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam ruangan (2), tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihalkan dalam ruangan (3) Jadual tersebut mulai 26 Jun 2013.

2. *Warta Kerajaan Kelantan* Kn. P.U. No. 332/2009 berkenaan peruntukan-peruntukan yang diperihalkan dalam ruangan (2) Jadual yang mewakilkan kepada pegawai yang diperihalkan dalam ruangan (1) kepada Jadual adalah dibatalkan.

JADUAL

(1) Pegawai	(2) Peruntukan-Peruntukan	(3) Syarat-Syarat dan Sekatan-Sekatan
YB. Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan Pendidikan dan Pengajian Tinggi	Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965 [Akta No. 56/1965]	Kuasa melulus mana-mana permohonan untuk menukar jenis kegunaan tanah kepada "Bangunan".
	Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 [Akta No. 56/1965]	Kuasa melulus kebenaran pindah milik ke atas tanah yang mempunyai sekatan kepentingan kepada "Melayu Peranakan Kelantan".